

JABATAN UKUR BANGUNAN

FAKULTI SENIBINA , PERANCANGAN DAN UKUR

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SISTEM PEMBINAAN STRUKTUR KONKRIT BERTETULANG

UNTUK RASUK DAN TIANG

SEISI MEI – OKTOBER 2001

Laporan Latihan Amali yang disediakan sebagai memenuhi keperluan

kursus Latihan Amali

DISEDIAKAN OLEH : AHMAD AZLAN BIN ADNAN

PENSYARAH PENYELIA : PUAN NOR RIMA MUHAMAD ARIFF

SENARAI KANDUNGAN**MUKASURAT****PRAKATA**

(i)

PENGHARGAAN

(ii)

1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan Laporan Latihan Amali	1
--------------------------------------	---

2.0 LATARBELAKANG SYARIKAT /MAJIKAN

2.1 Pengenalan	2
2.2 Profil Syarikat Ensidesa	3
2.3 Matlamat Penubuhan	4
2.4 Perihal dan Kegiatan utama	6
2.5 Carta Organisasi Syarikat	7

3.0 PROJEK KAJIAN – PEMBINAAN PUSAT SERENTI BARU**DI BACHOK , KELANTAN.**

3.1 Pengenalan Projek	10-12
3.2 Skop Kerja	13-14

**4.0 KAJIAN KES KE ATAS SISTEM PEMBINAAN STRUKTUR
KONKRIT BERTETULANG UNTUK RASUK DAN TIANG**

4.1 PENGENALAN KEPADA KONKRIT BERTETULANG	15
4.1.1 Konkrit Yang diterimapakai (JKR Piawai)	17
4.1.2 Bancuhan Konkrit	22
4.1.3 Ujian-ujian Konkrit di tapak binaan	23
4.1.4 Ciri – Ciri terhadap konkrit yang baik	30

PENGHARGAAN

Alhamdullillah , Dengan rasa kesyukuran ke hadrat ilahi saya panjatkan di atas segala kurnia dan Inayah-Nya dapatlah saya menjalankan Latihan amali kali ini. Di samping itu juga dapatlah saya menyiapkan satu Laporan Latihan Amali sepanjang tempoh yang telah ditetapkan .Laporan ini juga menerangkan sesuatu pemahaman berkaitan dengan bidang pekerjaan yang amat diperlukan kelak sebagai batu loncatan untuk mendapat pekerjaan yang diinginkan kelak . Ia merangkumi satu pengalaman kerja yang baru diperolehi sepanjang latihan amali ini di bawah sektor swasta dalam bidang kontraktor pembinaan . Saya amat bertuah kerana dapat mempelajari selok-belok tentang pengurusan dan pengawasan dalam industri pembinaan terkini untuk mendapatkan sebanyak mungkin segala teknik, ilmu dan pengetahuan yang berkaitan dengan kursus yang di ikuti di UiTM . Tempoh lebih kurang lima bulan sepertimana yang telah ditetapkan bermula pada 03 Jun 2001 hingga 31 Oktober 2001 bagi saya amat cukup berpuas hati untuk mendekati dan mengenali dunia sektor pekerjaan yang bakal dilalui . Di dalam menghasilkan Laporan latihan amali ini memerlukan bantuan dan tunjuk ajar daripada pihak majikan dan ditambah kepada kesungguhan yang mendalam bagi merealisasikan matlamat untuk menyiap dan menghasilkan laporan latihan amali ini . Ucapan terima kasih kepada pengawas projek yang telah mengawasi dan berusaha memberi tunjuk ajar dan bimbingan semasa latihan samada di pejabat ataupun berada di tapak projek pembinaan iaitu

En Zulkifli Salleh selaku penyelaras untuk pelajar latihan amali , En. Mohamad Muda , En Ramli Endut , Mr Ragupathy , En Fozi Embong dan terutama sekali pengarah Ensidesa sendiri iaitu En. Kamaruddin Hj.Endut yang telah berusaha meluangkan masa untuk berbincang tentang pekembangan kerja yang dilakukan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada En.Nordin Jusoh yang memegang jawatan sebagai penyelia tapak untuk projek Pusat Serenti di Bachok kerana telah banyak membantu dalam menerangkan hal-hal berkaitan dengan pengurusan dan skop kerja di tapak bina termasuk pengawasan yang sebenar untuk kemajuan kerja yang baik di dalam melengkapkan laporan latihan amali ini .Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada En.Ghazali Mohd Amin selaku koordinator latihan , En Suffian Hashim selaku pensyarah yang datang melawat semasa dalam latihan dan juga kepada Puan Nor Rima Muhamad Ariff sebagai koordinator latihan yang mengawasi dan memberikan tunjuk ajar untuk menghasilkan sebuah laporan . Penerangan dan bimbingan yang diperolehi ini telah banyak membantu saya untuk memperbaiki mutu persembahan di dalam melengkapkan laporan latihan amali ini.Buat kedua-dua ibu bapa saya secara tidak langsung turut sama terlibat dalam memberi sokongan untuk menyiapkan laporan ini . Semoga Laporan latihan amali ini akan menjadi panduan dan juga sebagai titik permulaan untuk saya terus berusaha mendapatkan pekerjaan yang sesuai hasil bimbingan dan pengalaman yang didapati semasa latihan .Segala bantuan dan jasa daripada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak tetap akan saya hargai .

2.0 LATARBELAKANG SYARIKAT / MAJIKAN

2.1 PENGENALAN

Ensidesa Sdn Bhd telah diperbadankan pada Ogos 1998 untuk turut serta menyumbang kepada program pembangunan negara terutamanya dalam sektor pembinaan yang pesat berkembang . Dengan mengamalkan falsafah pengurusan yang berkesan dan praktikal di setiap peringkat kakitangannya ,dari tahun ke tahun Ensidesa mula mendapat keyakinan dan kepercayaan dari setiap pelanggannya .

Kini , setelah sekian lama menimba pengalaman dengan didokong oleh kecemerlangan setiap projeknya , rekod prestasi Ensidesa menjadi bukti kukuh akan komitmen syarikat untuk menyiapkan setiap projek yang dimiliki kepada tahap yang terbaik dan sempurna .

Sebagai kontraktor Bumiputra Berwibawa Kelas ‘A” ENSIDES A telah berjaya menempah kedudukan di dalam industri pembinaan negara dan kini melangkah menuju kepada masa hadapan dengan penuh semangat waja dan gemilang untuk kesejahteraan anggota masyarakat . Syarikat ini di ketuai oleh En. Kamaruddin Hj Endut dan di bantu oleh En.Rusdi Hj Endut bersama-sama ahli yang lain menjanaikan perkembangan dalam industri pembinaan yang telah berjaya membawa perubahan kepada persekitaran bandar menjadi lebih digeruni di mata masyarakat .